

TUGASAN PPK311 MINGGU 11

Soalan Perbincangan

NURUL FIKRAH BINTI AZIZ (141428)

Bagaimanakah pendekatan pengajaran kolaborasi dapat diaplikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar bermasalah pembelajaran.

Kolaborasi dapat ditakrifkan sebagai satu aktiviti koperatif yang membawa kepada satu perkongsian sumber-sumber, ganjaran, kelebihan, dan sebagainya yang ada dalam sesebuah kumpulan. Mengikut Kamus Dewan Bahasa (2005), kolaboratif bermaksud kerjasama erat antara dua pihak atau lebih. Ertinya pula boleh ditafsirkan sebagai berusaha bersama-sama untuk mencapai sesuatu matlamat yang sama. Kolaboratif ialah suatu tindakan berkongsi pengetahuan, idea dan tanggungjawab bersama dalam kalangan profesional dalam pengajaran bagi tujuan implementasi PdP (Schmith dan Cagran, 2008). Manakala Slavin (1987) pula mengatakan bahawa pendekatan pengajaran kolaborasi ialah satu set langkah-langkah pengajaran di mana pelajar bekerja dalam kumpulan yang terdiri daripada ahli yang mempunyai keupayaan berbeza, dengan tujuan untuk mencapai sesuatu matlamat. Dengan kata lain, kolaborasi atau kolaboratif adalah satu kaedah di mana sekumpulan murid bermuafakat serta berganding bahu untuk melakukan aktiviti pembelajaran dengan bimbingan sebaya demi untuk menuju ke arah satu matlamat. Pembelajaran kolaboratif memerlukan semangat setiakawan, saling percaya, mempercayai dan mampu menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi. Aktiviti-aktiviti dalam pendekatan pengajaran kolaborasi sangat pelbagai dan meluas, tetapi kebanyakannya berpusatkan kepada aktiviti pelajar untuk meneroka sesuatu sesi pembelajaran atau dalam penggunaan bahan pembelajaran. Ini bermaksud dalam pendekatan pengajaran kolaborasi sesi pembelajaran bukan sekadar penyampaian atau penerangan daripada seorang guru semata-mata. Prinsip pembelajaran ini ialah kesebayaan, eksperimen, berinteraksi dan kepimpinan. Oleh itu, jelaslah bahawa pengajaran kolaborasi ini sangat bersesuaian dengan proses pengajaran dan pembelajaran pelajar bermasalah pembelajaran untuk meningkatkan perkembangan kognitif dan sosial emosi mereka.

Pengajaran secara kolaborasi ini boleh diaplikasikan **bagi menilai sosialiti pelajar bermasalah pembelajaran**. Terdapat banyak kelebihan di dalam kaedah pembelajaran kolaboratif ini. Antara kelebihan yang dapat dilihat ialah membina hubungan interaksi sosial yang lebih baik. Seperti mana yang diketahui, di dalam sesebuah kelas, terdapat pelbagai jenis pelajar bermasalah pembelajaran seperti pelajar Attention Defisit Hiperaktif Disoder (ADHD) yang merupakan pelajar aktif dan sukar dikawal dan kita juga ada pelajar Autisme yang suka memencilkan diri dengan bermain seorang diri tanpa memberi perhatian kepada guru dan rakan-rakan lain. Disebabkan perbezaan tingkah laku dan emosi bagi pelajar-pelajar bermasalah pembelajaran dalam sesebuah kelas itu, guru perlu mengambil pendekatan kolaboratif iaitu menjalankan aktiviti secara berkumpulan. Melalui kaedah pembelajaran kolaboratif ini, secara tidak langsung ia mampu untuk membina sebuah hubungan interaksi sosial yang baik antara pelajar. Pelajar yang kurang memberi perhatian terhadap pengajaran mungkin akan melakukan perubahan yang positif dengan kaedah ini. Namun, perlu diingatkan bahawa sebelum guru menggunakan kaedah ini di dalam kelas, guru perlulah membuat Rancangan Pengajaran yang baik agar objektif pengajaran tercapai.

Selain itu, pengajaran kolaborasi ini juga dapat diaplikasikan bagi **meningkatkan kemahiran pelajar bermasalah pembelajaran dalam penggunaan teknologi maklumat** selaras dengan kemahuan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang berkehendakkan pembelajaran abad-21 yang menggunakan teknologi. Dimana keadaan kolaborasi antara guru dengan guru yang lain dalam memikirkan cara atau langkah pengajaran berdasarkan penggunaan Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT). Justeru itu, para guru perlulah mempertimbangkan keperluan dan kekurangan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan strategi pengajaran dan pembelajaran yang akan diguna pakai seperti penggunaan teknologi ini bersesuaian serta tidak akan membebankan tahap kognitif pelajar bermasalah pembelajaran. Hal ini kerana, pelajar bermasalah pembelajaran tidak boleh menguasai banyak perkara dalam satu-satu masa. Oleh itu, keadaan ini mampu menghasilkan suasana pembelajaran yang efektif dan berstruktur disamping dapat mengaplikasikan kuasa dan kelebihan perkembangan teknologi masa kini ke dalam sistem pengajaran dan pembelajaran (Auzar, 2012). Selain dapat meningkatkan modal insan dan pelajar berwawasan, ianya juga mampu membentuk satu suasana pembelajaran yang baru terhadap pelajar bermasalah pembelajaran kerana variasi kaedah pengajaran dari guru-guru pendidikan khas itu sendiri.

Dunia teknologi dan sistem pendidikan sudah tidak menjadi asing lagi masa kini lantaran perkembangan kajian yang berasaskan dua dunia ini ke dalam satu sistem yang jitu adalah sangat digalakkan. Pembelajaran yang menggunakan ICT ini mampu menarik minat pelajar bermasalah pembelajaran dan boleh dibuat secara kolaborasi. Sebagai contohnya, guru mengadakan kuiz permainan secara atas talian untuk menguji kefahaman pelajar bermasalah pembelajaran ketika guru mengajar. Guru boleh membahagikan pelajar bermasalah pembelajaran kepada dua kumpulan. Setiap kumpulan ini perlu bersaing sesama mereka bagi memperoleh markah yang tinggi dan kumpulan yang berjaya akan memperolehi hadiah dari guru. Hal ini meningkatkan daya saing yang aktif dan proaktif antara kumpulan pelajar bermasalah pembelajaran. Kita akan dapat lihat, kerjasama dalam kumpulan dalam membincangkan jawapan yang betul. Tidak dinafikan, pembelajaran berdasarkan teknologi ini difikirkan mustahil kepada pelajar bermasalah pembelajaran. Namun begitu, pendekatan pengajaran dari guru yang proaktif serta perbincangan guru secara kolaborasi akan melahirkan pelajar bermasalah pembelajaran yang baik dari segi penguasaan teknologi.

Pengaplikasian pendekatan pengajaran kolaborasi juga **dilihat dapat membenarkan komunikasi terbuka serta memanfaatkan aktiviti perkongsian maklumat** secara banyak hala iaitu antara pelajar bermasalah pembelajaran dengan rakan-rakannya serta komunikasi 2 hala antara guru dan pelajar bermasalah pembelajaran itu sendiri. Dalam kaedah pembelajaran kolaborasi, guru hanya bertindak sebagai fasilitator atau pembimbing sahaja. Tugas atau soalan-soalan akan diberikan kepada kumpulan-kumpulan pelajar bermasalah pembelajaran dan mereka akan bersama-sama menyelesaikan masalah dan tugas tersebut. Sebagai contohnya, permainan puzzle dalam subjek sains iaitu pelajar bermasalah pembelajaran perlu berada dalam satu kumpulan dan membincangkan bagaimana untuk mencantumkan puzzle anggota tubuh badan dan menerangkan fungsi setiap anggota tubuh badan kepada guru. Harus diingat bahawa perkara yang paling penting di dalam kaedah pembelajaran kolaborasi ialah hubungan interaksi sesama ahli kumpulan dan bukannya hasil akhir. Di dalam perbiuncangan ini, setiap ahli kumpulan bebas untuk mengutarakan pendapat masing-masing dan secara tidak langsung aktiviti perkongsian maklumat akan berlaku. Menariknya, di dalam aktiviti perkongsian maklumat ini, pelajar akan dapat menambahkan meningkatkan perkembangan kognitif mereka. Secara tidak langsung kaedah ini menjadikan perhubungan sosial dalam perbincangan berbentuk ilmiah dijalankan.

Disamping itu, **pendekatan pengajaran kolaborasi ini dapat diaplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar bermasalah pembelajaran untuk mengubah tingkah laku pelajar.** Kita boleh kaitkan pendekatan pengajaran kolaborasi dengan teori pemodelan dari Albert Bandura. Albert Bandura dan Richard Walters (1959, 1963), telah melaksanakan eksperimen berkenaan dengan peniruan. Hasil eksperimen mereka mendapati, peniruan boleh berlaku hanya melalui pengamatan terhadap perilaku model (*orang yang ditiru*) meskipun tanpa sebarang peneguhan. Proses belajar yang dikatakan ini telah disebutkan sebagai "*Observational Learning*" atau pembelajaran melalui pengamatan. Teori Pembelajaran Sosial yang dikemukakan oleh Bandura telah memberi penekanan tentang bagaimana perilaku kita dipengaruhi oleh persekitaran melalui peneguhan (*reinforcement*) dan *observational learning*, cara memandangi dan cara berfikir yang kita miliki terhadap sesuatu maklumat dan juga sebaliknya, iaitu bagaimana tingkah laku kita mempengaruhi persekitaran dan menghasilkan peneguhan (*reinforcement*) dan peluang untuk diperhatikan oleh orang lain (*observational opportunity*). Menurut Bandura, proses mengamati dan meniru perlakuan dan sikap orang lain sebagai model merupakan tindakan belajar. Eksperimen beliau yang terkenal ialah Eksperimen Patung Bobo kerana ia melibatkan patung yang dikenali sebagai Bobo. Eksperimen ini menunjukkan bahawa kanak-kanak meniru perlakuan agresif dari orang dewasa di sekitarnya. Perkara yang lebih penting yang didapati daripada eksperimen ini telah menunjukkan pertalian antara teori-teori pembelajaran behaviourisme dan kognitif kerana ia merangkumi aspek-aspek pemerhatian, ingatan dan motivasi. Bandura dan Walters menggunakan sekumpulan kanak-kanak tadika berumur 3-6 tahun untuk menjalankan kajian dan berjaya membuktikan bahawa kanak-kanak keseluruhannya meniru model yang ditonton dengan gaya yang lebih agresif. Beliau merumuskan bahawa pelbagai tingkah laku sosial seperti keagresifan, persaingan, peniruan model dan sebagainya adalah hasil pemerhatian daripada gerak balas yang ditunjukkan oleh orang lain. Kesimpulannya, pendekatan pengajaran kolaborasi boleh berlaku dalam kalangan pelajar bermasalah pembelajaran apabila guru meletakkan pelajar bermasalah pembelajaran yang malas bersebelahan dengan pelajar bermasalah yang aktif ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung untuk mengubah tingkah laku negatif pelajar tersebut. Kolaborasi kedua-dua pelajar ini dalam aktiviti pembelajaran ataupun permainan akan mengubah seterusnya berjaya mengekalkan tingkah laku positif dalam diri pelajar tersebut.

Oleh itu, jelaslah bahawa kolaborasi antara pelajar bermasalah pembelajaran yang bertingkah laku negatif akan berubah apabila bersama dengan pelajar bertingkah laku positif kerana persekitaran yang baik akan membentuk perkembangan yang cemerlang. Sekali gus akan berlaku pemupukan nilai-nilai murni yang merupakan antara agenda yang penting di dalam kaedah pembelajaran kolaborasi ini. Antara nilai-nilai murni yang terdapat di dalam kaedah pembelajaran kolaborasi yang berlaku ialah sikap bertanggungjawab, saling menyokong, kesepakatan, bertolak ansur dan kepercayaan. Di sini, guru-guru pendidikan khas mendapat faedahnya kerana melalui kaedah pembelajaran ini, secara tidak langsung guru-guru dapat mengajar pelajar bermasalah pembelajaran mengenai sikap atau nilai-nilai murni yang perlu ada pada setiap individu.

Melalui pendekatan pengajaran secara kolaborasi ini, **guru dapat membantu pelajar bermasalah pembelajaran dalam melakukan sesuatu dengan berjaya sebagai satu kumpulan atau sebagai sebahagian anggota kumpulan.** Di samping dapat mengembang ketrampilan dan meningkatkan kualiti kerja dalam kumpulan. Tinjauan Cooper, Sanches, Prescott dan Lawrence (1988) (dipetik dari Gan Siow Lee dan noran Fauziah, 1998) mendapati pembelajaran kolaborasi adalah lebih berkesan untuk meningkatkan pembelajaran dan pencapaian pelajar bermasalah pembelajaran berbanding kaedah tradisional yang melibatkan prosedur tersendiri prosedur individu dan ia lebih berkehendakkan persaingan individu (Cooper & Boyd, 1994). Menurut Johnson (1992), pelajar yang belajar secara kolaborasi dapat mengembang komitmen dan keperihatinan antara satu sama lain, tanpa mengira sikap dan tanggapan awal mereka antara satu sama lain. Iklim emosi yang positif ini dapat menambah kemahiran sosial yang berkaitan dengan sokongan sosial dan tanggungjawab interpersonal dalam diri pelajar bermasalah pembelajaran. Kajian Slavin (1996) pula menemukan pembelajaran kolaboratif membawa kesan positif terhadap self esteem pelajar. Berdasarkan kesan-kesan positif ini, maka guru dapat menjamin kejayaan pelajar bermasalah pembelajaran dalam melakukan sesuatu sebagai satu kumpulan atau sebagai sebahagian anggota kumpulan. Antara tugas dari pelajar bermasalah pembelajaran yang dilakukan dalam kumpulan seperti subjek kemahiran asas masakan dimana sekumpulan pelajar bermasalah pembelajaran perlu menyediakan hidangan sepinggan lengkap dalam tempoh 2 jam. Jangka waktu yang pendek menyebabkan mereka perlu bekerjasama dengan baik dan bertolak ansur agar hidangan sepinggan lengkap yang perlu dibuat ini selesai dalam tempoh yang ditetapkan oleh guru pendidikan khas.

Kesimpulannya, pelbagai perkara boleh diaplikasikan berdasarkan Pendekatan Pengajaran secara Kolaborasi ke atas pelajar bermasalah pembelajaran untuk meningkatkan perkembangan kognitif, tingkah laku dan emosi mereka. Pendekatan pengajaran kolaborasi merupakan suatu peralihan dari pengajaran tipikal yang berpusatkan guru dibilik-bilik kelas kepada pengajaran berpusatkan pelajar. Walaubagaimanapun, melalui kaedah pendekatan ini, cara lain seperti taklimat, syarahan, mendengar dan mengambil nota bukanlah tidak wujud namun ianya berlaku seiring dengan proses pembelajaran yang lain yang menyasarkan penglibatan aktif pelajar dalam perbincangan dan gerak kerja dengan bahan pembelajaran. Guru yang menggunakan pendekatan pengajaran kolaborasi ini cenderung untuk meletakkan diri mereka sebagai seorang pembimbing agar proses pengajaran dan pembelajaran lebih bercambah dan membina. Proses pendekatan pengajaran kolaborasi ini adalah satu usaha untuk mewujudkan komuniti pembelajaran yang aktif dan berjaya dalam kalangan pelajar bermasalah pembelajaran.